

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN SEKOLAH MENENGAH UGAMA,
PULAU TAWAR, JERANTUT, PAHANG PADA
28HB MAC, 1974

Y.B. Datuk Khairuddin, Pengerusi Jemaah Penasihat, Y.A.B. Timbalan Menteri Besar Pahang, Y.B. Timbalan Menteri Penerangan, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya saya dapat membuat lawatan ke Kampung Pulau Tawar yang kita tahu mempunyai sejarah lama untuk bertemu muka dengan penduduk-penduduk di sini dan seterusnya merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Ugama Pulau Tawar ini.

Terlebih dahulu saya sukalah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Sekolah kerana sudi menjemput saya membuka bangunan Sekolah dalam bidang lawatan sehari ke sini dan juga atas sambutan yang meriah sebentar tadi. Sekolah Menengah Ugama ini menandakan setapak lagi kemajuan Kampung ini di samping membuktikan hasrat dan kecenderungan penduduk-penduduk Pulau Tawar terhadap kemajuan dunia dan akhirat. Ini adalah natijah yang amat baik bagi kita orang-orang Islam di negara ini iaitu melengkapkan anak-anak jenerasi muda dengan pelajaran ugama kerana ini adalah mustahak bagi membentuk akhlak dan keperibadian sebagai rakyat yang baik serta menunjukkan arah haluan hidup mereka di masa depan.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam usaha kita hendak meninggikan martabat Islam sebagai ugama rasmi, banyak kemudahan-kemudahan disediakan bagi rakyat dan di bidang pendidikan hari ini sesiapa jua yang berusaha akan dapat melanjutkan pelajaran mereka ke Pusat Pengajian Tinggi seperti Universiti Kebangsaan dan Kolej Islam. Kerajaan mengeluarkan biasiswa-biasiswa bagi mereka yang layak dan hendak melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti-universiti luar negeri seperti di Kahirah, Madinah dan Baghdad.

Selain Sekolah Menengah Ugama ini saya diberitahu sebuah sekolah baru telah dibuka awal tahun ini di kampung pemindahan banjir di simpang Jalan Maran. Saya sukacita penduduk-penduduk

di sini menyambut baik seruan saya supaya pindah ke tempat baru di mana ada kemudahan yang baik bagi mereka.

Selain dari itu Kerajaan telahpun menjalankan beberapa langkah baru untuk memperkembangkan pengajian Islam dan meninggikan syiar Ugama kita yang suci itu. Walaubagaimanapun, rakyat yang bukan Islam diberi kebebasan mengerjakan ibadat mereka. Pada masa-masa akhir-akhir ini ramai juga penganut-penganut ugama lain yang telah memahami perjalanan dan pengajaran ugama Islam dan mereka ini mengambil jalan yang benar dengan memeluk Ugama Islam. Saya sukacita mereka itu berbuat demikian dengan tidak dipaksa oleh sesiapa bahkan dengan kerelaan hati suci mereka sendiri. Oleh itu saya berharap kita semua dapat menerima saudara-saudara baru ke dalam masyarakat kita serta memberi mereka panduan dan tunjuk ajar mengenai hal ehwal ugama supaya mereka menjadi orang-orang yang salih.

Dalam pada itu kita boleh mempelajari dari mereka pengalaman dan kemahiran dalam lapangan tertentu khasnya mengenai perniagaan dan perusahaan. Saya nampak inilah satu jalan yang baik bagi kita mengeratkan lagi perpaduan dan persaudaraan di kalangan rakyat negara ini dan kedua-dua golongan tadi mendapat munafaat yang setinggi-tingginya.

Saudara-saudara sekalian.

Kita boleh berbangga hari ini iaitu kemajuan yang dicapai dalam lapangan Ugama Islam amat luas dan memuaskan. Pada masa yang sudah-sudah Kerajaan memberikan banyak bantuan untuk mendirikan surau, masjid dan sekolah-sekolah ugama. Sekarang kerja-kerja membina sebuah Pusat Penyelidikan Islam sedang berjalan pesat dan diharapkan Pusat ini akan siap tidak lama lagi. Begitu juga jentera pentadbiran Jabatan Ugama Islam telah juga diperkemaskan dan diletakkan di bawah jagaan saya sendiri. Dua bulan yang lalu saya telah melancarkan Lembaga Dakwah Islamiah yang mempunyai tugas-tugas berat memperkembangkan ugama suci kita. Usaha-usaha sedang juga dijalankan melalui beberapa pertubuhan dan agensi Kerajaan, seperti Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Tabung Ekonomi Islam untuk meninggikan taraf ekonomi orang-orang Islam. Saya harap dengan adanya kejayaan-kejayaan di lapangan ini bersama-sama dengan kemajuan rancangan-rancangan yang dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru, penduduk-penduduk di kawasan luar bandar akan menjadi bertambah baik lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sangat gembira dengan kemajuan orang-orang kita di kawasan ini, samada yang diam di kampung-kampung ataupun peserta-peserta rancangan. Di rancangan LKTP Sungai Tekam, saya dapat tahu ada peserta-peserta yang mendapat lebih \$1,000 sebulan hasil getah mereka. Syukurlah pada masa ini barang-barang pengeluaran kampung seperti getah dan kelapa sawit mendapat pasaran baik atau harga yang tinggi. Tetapi kita mestilah berusaha dengan lebih giat terutama dalam keadaan inflasi yang terdapat sekarang ini.

Sebagaimana yang selalu saya terangkan, inflasi ini berpunca dari luar tetapi akibatnya menimpa seluruh negara. Kerajaan akan mengambil apa jua langkah yang baik untuk meringankan tekanan inflasi ke atas rakyat, dan saya berharap mereka akan bekerjasama pula dengan usaha mengeluarkan barang keperluan sendiri dan membeli barang-barang keperluan yang mustahak sahaja. Pendapatan yang berlebihan eloklah disimpan dan elakkan perbuatan membazir dan sia-sia.

Kerajaan telah juga mengambil tindakan tegas terhadap peniaga-peniaga yang menyorok barang-barang supaya menjamin bekalan sentiasa ada dan boleh didapati dengan harga yang berpatutan.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam kita menghadapi masalah inflasi ini, ada golongan yang hendak menimbulkan kekacauan dan huru-hara dalam negara dengan tujuan hendak menjatuhkan Kerajaan yang dipilih rakyat. Anasir-anasir Komunis dan talibarut mereka bergerak di sana sini tetapi penduduk-penduduk kampung janganlah merasa bimbang kerana kita mempunyai askar dan polis yang cukup untuk menentang dan menghapuskan kumpulan jahat yang kecil ini. Saya yakin dengan adanya kerjasama rakyat angkara musuh itu akan gagal. Mereka berani menjalankan kegiatan-kegiatan ganas mereka kerana mereka tahu ada segolongan kecil penduduk yang bersimpati dengan mereka itu. Anasir-anasir ini adalah lebih jahat dari Komunis itu sendiri.

Saya sukalah mengingatkan terutama kalangan muda bahawa rakyat belum lagi lupa pahit maung dan kesusahan selama dua belas tahun semasa negara berada dalam keadaan darurat dari tahun 1948 hingga 1960 dahulu. Di Sarawak keadaan hampir-hampir pulih sekarang dan diharapkan Semenanjung Malaysia

juga akan pulih semula. Pada hemat saya, dengan keadaan politik sekarang ini iaitu hasil dari Kerajaan Campuran dan seterusnya penubuhan Nasional Front atau Barisan Nasional, nyatalah perjuangan Komunis itu sia-sia saja. Lebih baiklah mereka kembali ke pangkal jalan dan menghentikan perjuangan yang sia-sia itu. Patut diingat Kerajaan yang ada sekarang ini adalah Kerajaan yang dipilih sendiri oleh rakyat dan berazam hendak membawa zaman yang aman damai, makmur dan maju kepada rakyat semua.

Saya percaya saudara-saudara di Pulau Tawar tempat yang bersejarah ini sentiasa berdiri teguh di belakang Kerajaan menghapus anasir-anasir jahat itu kalau ada yang cuba menceroboh masuk ke sebelah sini. Demi kepentingan bersama rakyat dan Kerajaan, setiap rakyat mestilah bersama-sama menunaikan tanggungjawab mereka. Dengan semangat ketabahan dan kesabaran serta dengan perpaduan kita akan dapat menghadapi sesuatu ancaman atau cabaran itu dengan penuh kejayaan.

Saudara-saudara sekalian.

Sejak kita mencapai kemerdekaan hampir tujuh belas tahun yang lalu banyak perubahan dan kemajuan yang dilihat di seluruh negara. Di kawasan Jerantut ini, proses perubahan besar sedang berjalan dengan pesat. Rancangan Haidro sedang dilaksanakan oleh pakar-pakar dari Rusia. Hospital baru sudahpun dipanggil tender dan dijadualkan siap awal tahun 1975. Projek Jambatan juga akan dilaksanakan apabila dapat tender yang wajar dan dijangka siap tahun 1977. Projek Lapangan Terbang sedang dikaji untuk memudahkan penerbangan bagi pelancung-pelancung ke Kuala Tahan. Sementara itu banyak lagi rancangan-rancangan akan dilaksanakan terutamanya bandar baru Jerantut yang akan membuka peluang baru untuk orang-orang kita berkecimpung di dalam lapangan perniagaan.

Saudara-saudara sekalian.

Kita sedia maklum, ugama Islam menggalakkan kita mengejar kemajuan dunia dan akhirat. Ini adalah kehendak Allah dan alim ulama ada mengatakan "buatlah harta di dunia ini seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya dan beramallah kamu kepada Allah seolah-olah kamu akan mati esok". Oleh itu patutlah kita berusaha bersungguh-sungguh untuk kita dan keturunan kita di

masa akan datang dengan membina negara yang makmur dan maju, aman damai dan bahagia.

Saya akhiri ucapan saya ini dengan berdoa mudah-mudahan Allah memberkati kerja-kerja dan amalan kita dan dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, saya rasmikan Sekolah Menengah Agama Pulau Tawar.